

Nor Mohamed Penasihat Khas PM

UM 11 MAY 2000

KUALA LUMPUR 10 Mei — Penasihat Bank Negara Malaysia (BNM) Datuk Nor Mohamed Yakcop dilantik sebagai Penasihat Khas kepada Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed dalam hal-ehwal kewangan.

Nor Mohamed, 52, akan memainkan peranan sebagai penasihat terutamanya dalam urusan tugas Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), menurut satu kenyataan dari pejabat Perdana Menteri pada hari ini.

Beliau juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif MTEN dan kedua-dua perlantikan itu berkuat kuasa mulai 15 Mei ini.

Beliau ketika dihubungi *Utusan* hari ini berkata,

pelantikannya adalah satu penghormatan yang besar dan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri.

Beliau yang telah mengambil skim bersara awal pada hari ini berkata, kini tidak lagi terlibat sebagai penasihat bank pusat itu.

Menyentuh tentang tugas baru, beliau berkata, "saya akan bertemu dengan Perdana Menteri minggu depan untuk mengetahui tugas-tugas yang akan diserahkan.

"Saga hanya akan menjalankan tugas sepertimana yang diarahkan Dr. Mahathir," katanya kepada *Utusan*.

Jelas beliau, sebarang usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara akan dijadikan fokus tugas beliau sebagai Penasihat

Hal Ehwal Kewangan kepada Perdana Menteri.

Selain itu, Nor Mohamed juga adalah pelopor kepada perbankan Islam di Malaysia sehingga pernah menerima anugerah antarabangsa untuk Kecemerlangan dan Sumbangan Dalam Bidang Perbankan, Kewangan Ekonomi dan Teori Kewangan Islam oleh American Finance House pada tahun 1996.

Mengulas mengenai perbankan Islam, beliau berkata Bank Negara mempunyai ramai kakitangan berkali-ber yang akan meneruskan agenda perbankan Islam.

"Sebagai satu agenda negara, saya akan cuba membantu sedikit sebanyak tentang perbankan Islam supaya ia dapat dimantapkan lagi," kata Nor Mohamed.

Tumpuan kepada ekono-

Penglibatan bumiputera dalam k-ekonomi juga akan ditekankan agar dapat mewujudkan masyarakat perdagangan bumiputera, tambah beliau.

Nor Mohamed dilahirkan pada 24 Ogos 1947. Beliau mendapat pendidikan di Universiti Malaya (UM) pada tahun 1972 dan melanjutkan pelajarannya di Catholic University of Leuven, Belgium padatahun 1979.

Beliau telah memulakan kerjayanya di Bank Negara pada September 1968 hingga 1994. Pada tahun 1989, beliau dilantik menjadi Penasihat BNM.

Selepas berhijrah ke sektor swasta pada tahun 1994 hingga 1998, beliau kembali ke pangkuan BNM sebagai Penasihat pada tahun 1998 sehingga hari ini.

mi berasaskan ilmu (k-ekonomi) turut dijadikan fokus agar ekonomi lebih mapan dan juga persediaan menghadapi globalisasi, katanya.